

39

HIRAKI
BANDAR DI KELANTAN
1985

WAN KAMARUDDIN WAN HASAN

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

ARKIB

rb
FAC895
M22K18

HIRAKI
BANDAR DI KELANTAN
1985

PENYELIA :

DR. K.U. SIRINANDA
DR. PANGIRAS MICHEAL

PELAJAR :

WAN KAMARUDDIN WAN HASAN
BAHAGIAN GEOGRAFI
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

LATIHAN ILMIAH IALAH BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN MENDAPAT IJAZAH
SARJANA MUDA SASTERA
SESSI 1985/86.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kerana dengan idzinNya Latihan Ilmiah ini dapat disiapkan. Terdapat beberapa pihak yang telah memainkan peranan yang penting dalam membantu penulis menyediakan latihan ini. Pada peringkat awal kajian, Dr. K.U. Sirinanda telah banyak memberi tunjuk ajar dalam merangka kajian dan menulis laporan. Beliau kemudiannya bertugas di Universiti Brunai Darulsalam. Tempat beliau diambilalih oleh Dr. Pangiras Micheal. Di bawah penyeliaan beliau, penulis banyak mendapat pengajaran tentang bagaimana menyiapkan sebuah Latihan Ilmiah yang lengkap dan bermutu. Beliau begitu bersungguh-sungguh mencurahkan pengalaman dan pengetahuan beliau yang luas semasa menyelia penulis.

Dalam usaha mengumpul data-data dan maklumat-maklumat yang diperlukan, penulis telah mendapat kerjasama dari Dr. Vimala Sothirajah bagi pihak Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Negeri Kelantan; Inspektor Mat Dalip Mat, Pegawai Perhubungan dan Kebajikan Kontinjen bagi pihak Ketua Polis Negeri Kelantan; Tuan Hj. Mohd. Zain Hussin, Penyelia Perancangan Pembangunan dan Bekalan bagi pihak Pengarah Pelajaran Negeri Kelantan; Encik Baharuddin Md. Esa sebagai Pemangku Pengarah Pos Negeri Kelantan; Pejabat Pendaftaran Perniagaan, Kota Bharu; Majlis Perbandaran Kota Bharu, Lembaga Bandaran Pasir Mas, Pasir Puteh, Bachok, Tumpat, Kuala Krai, Gua Musang dan Machang; dan, Pejabat Perangkaan bagi Negeri Kelantan.

Pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan dan Universiti Teknologi Malaysia di Kuala Lumpur juga telah memberi kerjasama dengan membenarkan penulis menggunakan kemudahan perpustakaan mereka.

Akhir sekali, penulis berasa terhutang budi kepada Y.B. Haji Mohammed Hassan Haji Ismail kerana telah meluang masa untuk memperkenalkan penulis dengan pegawai-pegawai pentadbiran negeri Kelantan yang ada kena mengena dengan kajian ini. Selain dari itu beliau dan pemandunya secara bergilir telah membawa penulis melawat beberapa pejabat Lembaga Bandaran. Dalam siri lawatan ini, penulis dapat melihat sendiri keadaan pembandaran dan sempat menemubual beberapa orang penduduk di bandar-bandar yang terlibat dalam kajian ini. Ini sesuai dengan tugas Yang Berhormat sebagai Pengarah Urusetia Penerangan Negeri Kelantan Darulnaim.

Kepada semua pihak yang terlibat, baik secara formal maupun secara informal, penulis merakam ucapan setinggi-tinggi terima kasih. Kerjasama semua pihak ini membolehkan penulis menyiapkan Latihan ILMIAH bagi memenuhi keperluan mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sastera bagi Sessi 1985/86.

Terima Kasih.

ABSTRACT

The aim of this study is to arrange the towns in Kelantan on the basis of a combination of demographic factors, business and administrative functions. The rationale of this arrangement is to make an analysis on whether there is a difference between resulting hierarchy and that which was predicted in the earlier study (UTM, 1980). There are clear differences between these two studies especially for those towns in the middle of the hierarchy. This group is an unstable group. These towns are said to be unstable because their status in hierarchy changes frequently. This can be related with the rate of urbanization and population growth which is not uniform between these towns.

Urban growth at its early stages is assumed to be stimulated by the administrative function. This function then intensified a centralized commercial economic activities. Population migration to the settlements occurred and the size of these settlements grow to the status of small towns and later become large towns. Among these towns (district centres), usually there is a town where greater concentration of the location of administrative function, business function and population. The effect from this phenomena is that the size of this town (Kota Bharu) has become eight times larger in size from the second rank town. This resulted in the occurrence of the primate rank-size

distribution. This characteristic found to be true for almost all the states in Malaysia; but at the national level, the same is not so explicit. The rank-size distribution for the Peninsular Malaysia is still closer to the log-normal distribution. This reject the generalization that urbanization in Southeast Asia countries is characterized by primate city distribution.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menyusun hiraki bandar-bandar di Kelantan berdasarkan kombinasi faktor-faktor demografik, fungsi perniagaan dan fungsi pentadbiran. Rasional di sebaliknya penyusunan ini ialah untuk menganalisa sama ada terdapat perbezaan di antara hiraki hasil kajian dengan yang diramal oleh kajian terdahulu (UTM, 1980). Terdapat perbezaan yang ketara di antara kedua-dua kajian ini terutamanya bagi bandar-bandar yang berada dalam kumpulan pertengahan hiraki. Kumpulan ini adalah kumpulan yang tidak stabil. Bandar-bandar ini dikatakan tidak stabil kerana kedudukan dalam hiraki kerap berubah. Hal ini boleh dikaitkan dengan kadar pembandaran dan pertumbuhan penduduk yang tidak seragam di antara bandar-bandar ini.

Pertumbuhan bandar pada peringkat awalnya diandai sebagai dirangsangkan oleh fungsi pentadbiran yang terdapat di sesebuah petempatan. Fungsi ini kemudiannya mengiatkan pula aktiviti ekonomi komersial berpusat. Migrasi penduduk ke pusat petempatan berlaku dan saiz petempatan-petempatan pun berkembang ke taraf bandar kecil dan seterusnya menjadi bandar besar. Di antara bandar-bandar besar ini (pusat jajahan), biasanya ada sebuah bandar yang mendapat tumpuan yang lebih bagi lokasi pentadbiran, kedai perniagaan dan

penduduk. Kesan dari fenomena ini ialah saiz bandar ini (Kota Bharu) menjadi lapan kali ganda lebih besar dari saiz bandar di 'rank' kedua. Ini menyebabkan berlakunya taburan saiz-rank bandar primat. Ciri ini didapati benar bagi hampir keseluruhan negeri-negeri di Malaysia; tetapi di peringkat nasional, ciri yang sama tidak begitu menonjol. Taburan saiz-rank Semenanjung Malaysia masih lagi hampir dengan log-lazim. Ini menolak generalisasi bahawa pembandaran di negara-negara Asia Tenggara dicirikan oleh taburan bandar primat.
